

Kastam rampas basmati seludup RM1.1 juta

Temerloh: Beras basmati seberat 41,600 kilogram (kg) bernilai lebih RM1.1 juta cuba diseludup dari India dirampas selepas pengimportnya melakukan pengikraran palsu.

Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Pahang, Mohd Asri Seman, berkata rampasan dilakukan hasil serbuan di Pelabuhan Utara, Pelabuhan Klang, Selangor, kira-kira jam 1 petang, 9 Oktober lalu.

Katanya, serbuan dilakukan Bahagian Penguatkuasaan JKDM Stesen Kuantan menemui dua kontena diikrar sebagai tepung beras.

"Hasil pemeriksaan didapati dalam kontena itu turut dijumpai guni berisi beras basmati yang tidak diisytihar sebagai barang diimport.

"Tepung beras dirampas dalam kontena itu hanya seberat 7,980kg dan bernilai RM23,940.

"Basmati tidak diisytiharkan seberat 41,600kg dan berharga RM832,000 serta anggaran cukai + RM332,800," katanya pada sidang media, di sini, semalam.

Mohd Asri berkata, beras adalah barangan larangan import kecuali memiliki permit pengimportan daripada Ketua Pengarah Kawalselia Padi dan Beras.

Selain itu, katanya, pengimportan beras tertakluk kepada pemeriksaan dan kelulusan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS).

Beliau berkata, syarikat disyaki melakukan pengikraran palsu itu sudah dikenal pasti dan siasatan lanjut sedang dilakukan.

"Siasatan sedang dilakukan untuk mengetahui jumlah sebenar basmati diimport dan diseludup syarikat terbabit menerusi modus operandi pengikraran palsu seperti itu," katanya.

Kes disiasat mengikut Seksyen 135(1)(a) Akta Kastam 1967 dan sabit kesalahan boleh dipenjarakan hingga lima tahun serta denda.